

Belanjawan 2022: Parlimen dipinggirkan, Perdana Menteri terus berkuasa

Ringkasan eksekutif

1. Institusi parlimen masih mendapat peruntukan kecil atau rendah dalam Belanjawan 2022. Namun, peruntukan Jabatan Perdana Menteri terus bertambah dalam belanjawan kali ini, menyaksikan Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak membelanjakan dana yang cukup besar mengikut budi bicaranya.
2. Peruntukan parlimen meningkat kepada RM 148.3 juta dalam Belanjawan 2022 berbanding RM 145.3 juta pada tahun 2021. Namun, peruntukan ini kecil kerana penambahan dana dianggarkan hanya RM 3.02 juta atau 2.04 peratus, iaitu lebih rendah berbanding jumlah peningkatan dana parlimen dalam Belanjawan 2019, iaitu sebanyak RM 12.3 juta atau 8.95 peratus.
3. Dana Jabatan Perdana Menteri (JPM) meningkat kepada RM 12.2 bilion dibawah Belanjawan 2022 berbanding RM 11.7 bilion pada tahun 2021. Ini bermaksud, peruntukan JPM dalam Belanjawan 2022 hampir 80 kali ganda lebih besar berbanding peruntukan parlimen.
4. “Dana Khas” dalam peruntukan pembangunan JPM, yang memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri untuk membelanjakannya, dianggarkan berjumlah RM 2.14 bilion berbanding 2.19 bilion pada tahun 2021. Namun jumlah dana khas dalam Belanjawan 2022 ini tiga kali ganda lebih besar berbanding tahun 2019, iaitu sebanyak RM 720.3 juta.
5. Ahli parlimen perlu meneliti dan menyemak peruntukan parlimen dan JPM untuk memastikan setiap anggaran munasabah. Dana khas Perdana Menteri perlu dikurangkan agar ia boleh disalurkan bagi memperkukuhkan institusi parlimen dan menambah dana pembangunan buat kementerian lain.

Peruntukan parlimen bertambah tapi kekal kecil

Dalam Belanjawan 2022, institusi parlimen menerima peruntukan sebanyak RM 148.3 juta berbanding RM 145.3 juta pada tahun 2021, iaitu peningkatan peruntukan **sebanyak RM 3.02 juta atau 2.04 peratus**.

Walau bagaimanapun, jumlah peningkatan dana ini dilihat kecil dan tidak signifikan untuk menyokong dan meletakkan limitasi terhadap agenda transformasi parlimen yang dinyatakan oleh kerajaan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam perjanjian persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik¹ bersama Pakatan Harapan (PH).

Berdasarkan **Jadual 1**, parlimen pernah menerima penambahan dana yang lebih tinggi berbanding Belanjawan 2022. Dalam Belanjawan 2019 yang disediakan kerajaan PH, dana parlimen meningkat **kepada RM 137.4 juta berbanding RM 125.1 juta** dalam Belanjawan 2018 ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN), iaitu peningkatan sebanyak **RM 12 juta atau 8.95 peratus**.

Jadual 1: Anggaran peruntukan parlimen tahun 2019 hingga 2022

Tahun	Anggaran (RM juta)	Jumlah Penambahan (RM juta)	Peratusan Penambahan (%)
Belanjawan 2019	137.4	12.3	8.95
Belanjawan 2020	145.1	7.75	5.34
Belanjawan 2021	145.3	0.163	0.1
Belanjawan 2022	148.3	3.02	2.04

Sumber: Anggaran Perbelanjaan 2021 dan 2022

Penambahan dana parlimen dalam Belanjawan 2019 selari dengan agenda kerajaan PH untuk mereformasi institusi parlimen seperti menubuhkan sistem jawatankuasa pilihan khas (JPK). Peruntukan parlimen terus meningkat kepada RM 145.1 juta dalam Belanjawan 2020, iaitu peningkatan **sebanyak RM 7.75 juta**. Namun, dari sudut peratusan, peningkatan dana parlimen **hanyalah 5.34 peratus, lebih rendah** berbanding tahun 2019.

Faktanya, sejak peralihan kerajaan persekutuan pada tahun 2020, penambahan peruntukan parlimen **kian rendah**, iaitu bawah tiga peratus, dan Belanjawan 2022 hanya meneruskan pemikiran sebuah kerajaan yang masih meminggirkan pengukuhan sistem demokrasi berparlimen.

Belanjawan 2022 juga tidak memperincikan peruntukan yang akan diberikan kepada setiap JPK di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tanpa maklumat peruntukan yang tepat, maka ia tidak menjamin JPK akan mendapat dana setimpal untuk menjalankan tugasnya.


¹ MoU Transformasi dan Kestabilan Politik <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/bkk/MOU.pdf>

Selain itu, Belanjawan 2022, termasuklah ucapan belanjawan Menteri Kewangan pada 29 Oktober lalu, tidak membuat pengumuman mengenai peruntukan pembangunan saksama kepada semua ahli parlimen, khususnya pembangkang. Ini juga menimbulkan persoalan memandangkan peruntukan kepada ahli parlimen ini turut menjadi perkara yang dijanjikan dalam MoU Transformasi dan Kestabilan Politik.

Bagaimana Perbelanjaan Sebenar Parlimen?

Berdasarkan Rajah 1, perbelanjaan sebenar parlimen berbanding peruntukan yang diberikan setiap tahun **adalah rendah**. Contohnya, peruntukan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM 145.2 juta tetapi perbelanjaan sebenar hanyalah RM 126.8 juta, iaitu **kurang RM 18.4 juta atau 12.6 peratus**. Persoalannya, ke manakah baki dana ini digunakan?

Rajah 1: Perbandingan anggaran dan perbelanjaan sebenar Parlimen tahun 2016 hingga 2020



Sumber:

Anggaran Belanjawan tahun 2016 hingga 2020

Secara asasnya, lebih dana parlimen sebanyak RM 18.4 juta pada tahun 2020 ini boleh dibelanjakan untuk menambah baik fungsi parlimen ketika pandemik seperti persediaan persidangan secara maya atau hibrid.

Namun, setelah hampir dua tahun dalam era pandemik, parlimen Malaysia **tidak mengadaptasi kemudahan teknologi** seperti menambah baik infrastruktur internet agar parlimen dapat terus bersidang secara maya, termasuklah prosiding dan mesyuarat JPK. Sekiranya lebih dana yang tidak dibelanjakan itu tidak digunakan untuk menambahbaik sistem parlimen, ke manakah dana RM 18.4 juta pada tahun 2020 itu disalurkan?

Dari sudut yang berbeza, trend ini menunjukkan masih ada ruang untuk membelanjakan dana di parlimen bagi melakukan perubahan yang lebih mampan dalam tempoh jangka panjang.


Soal pendanaan yang besar kepada parlimen sepatutnya tidak menjadi satu halangan besar kerana kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang telah bersetuju secara dwipartisan untuk mengangkat agenda reformasi parlimen yang perlu disegerakan sebelum.

Kini, dengan peruntukan parlimen yang kecil dalam Belanjawan 2022, ia akan meletakkan limitasi kepada usaha mentransformasi parlimen, khususnya matlamat menjadikan parlimen sebagai sebuah institusi berfungsi, berautonomi, dan bebas daripada dominasi badan eksekutif dengan memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen (PSA) 1963.

Dana Khas memperkukuh kuasa Perdana Menteri

Belanjawan kali ini turut mengekalkan peruntukan yang besar kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan jumlah RM 12.2 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM 467.1 juta atau 3.8 peratus berbanding RM 11.7 bilion pada tahun 2021. Ini merupakan kali kedua JPM menerima peruntukan besar sejak Belanjawan 2021.

Rajah 2: Jumlah perbelanjaan sebenar (2018-2020) dan peruntukan (2021-2022) JPM



Sumber: Anggaran Belanjawan 2022

Jumlah anggaran peruntukan bagi JPM dalam Belanjawan 2022 adalah sama dengan jumlah perbelanjaan sebenar JPM dalam Belanjawan 2018 dibawah pentadbiran BN, iaitu sebanyak RM 12.5 bilion. Jumlah dana besar JPM ini didakwa berpunca daripada amalan mengekalkan komposisi JPM, termasuk penambahan jumlah Menteri dan Timbalan Menteri, seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mengembalikan Dana Khas Perdana Menteri

Berdasarkan Jadual 2, JPM menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM 7.6 bilion, iaitu 10.1 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan Belanjawan 2022 yang berjumlah RM 75.6 bilion. Sedar atau tidak, dana pembangunan JPM dalam Belanjawan 2022 telah meneruskan amalan memberi 'Dana Khas', iaitu dana yang dibelanja atas budi bicara mutlak Perdana Menteri. Malangnya,

kebanyakan rakyat tidak sedar akan kewujudan dana khas ini dan bagaimana ia dibelanjakan Perdana Menteri setiap tahun.

Merujuk kepada **Jadual 3**, dana khas Perdana Menteri dalam Belanjawan 2022 dianggarkan berjumlah RM 2.14 bilion, lebih rendah berbanding RM 2.19 bilion pada tahun 2021. Dana khas ini adalah sekitar 28 peratus daripada peruntukan pembangunan JPM dalam Belanjawan 2022. Walau bagaimanapun, peruntukan dana khas Perdana Menteri dalam Belanjawan 2022 adalah **tiga kali ganda lebih** besar daripada tahun 2019.

Jadual 2: Jumlah peruntukan pembangunan JPM

Tahun	Jumlah peruntukan pembangunan Belanjawan (RM billion)	Jumlah peruntukan pembangunan JPM (RM billion)	% peruntukan Pembangunan JPM dengan jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan belanjawan
2018	56.1	7.5	13.3
2019	54.17	3.39	6.25
2020	51.4	5.05	9.8
2021*	69	7.2	10.4
2022**	75.6	7.6	10.1

Sumber: Anggaran Belanjawan 2021 dan 2022 serta kiraan sendiri daripada penulis

*Anggaran Asal

**Anggaran

Jadual 3: Senarai Dana Khas JPM pada tahun 2018 hingga 2022

Kod (Butiran Projek)	Tajuk	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
00104	Penyusunan Semula Masyarakat	300,000,000			50,000,000	
00108	Program Pembangunan	363,000,000	262,000,000	269,998,300	478,000,000	466,700,000
71000	Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan	114,623,000	90,108,000	36,846,000	83,600,000	34,510,200
93500	Projek Khas	572,404,900	150,000,000	100,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000
93600	Projek Mesra Rakyat	804,000,000	298,500,000	313,500,000	333,000,000	440,000,000
97000	Dana Fasaliti	3,284,000,000			205,830,500	200,000,000
Anggaran Jumlah		5,438,027,900	800,610,019	720,344,300	2,192,521,500	2,141,210,200

Sumber: Anggaran Belanjawan 2018 hingga 2022

Dalam Belanjawan 2019, kerajaan PH telah mengurangkan dana khas Perdana Menteri sebanyak RM 4.64 bilion atau 85.2 peratus kepada RM 800.6 juta berbanding RM 5.43 bilion pada tahun 2018, sewaktu pentadbiran BN dibawah Najib Razak. Kemudian, dalam Belanjawan 2020, dana khas dianggarkan berkurangan kepada RM 720.3 juta, iaitu penurunan sebanyak RM 80.3 juta atau 89.3 peratus.

Pemotongan dana khas Perdana Menteri pada tahun 2019 dan 2020 selari dengan pendekatan kerajaan PH untuk mengurangkan pemusatan kuasa Perdana Menteri dalam membuat keputusan mutlak membelanjakan peruntukan besar dengan melakukan penstrukturan semula JPM.

Salah satu penstrukturan terbesar JPM adalah mengeluarkan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan menubuhkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)². Penubuhan MEA bertujuan untuk menambah kecekapan kerajaan menguruskan perbelanjaan pembangunan, mewujudkan keseimbangan antara peranan Kementerian Kewangan yang menguruskan belanjawan negara dan perbelanjaan mengurus dan kuasa Perdana Menteri dalam tadbir urus kerajaan. Namun, MEA telah dimansuhkan kerajaan PN dan memasukkan semula EPU ke dalam JPM.

Dari sudut yang berbeza, pengurangan dana pembangunan JPM pada tahun 2019 dan 2020 membolehkan dana tersebut digunakan untuk meluaskan fungsi kementerian lain dalam membuat dasar dan keputusan penting.

Tetapi, kerajaan PN telah mengembalikan dana khas yang cukup besar kepada Perdana Menteri dalam Belanjawan 2021 berjumlah RM 2.19 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM 1.47 bilion atau 715 peratus berbanding RM 720.3 juta pada tahun 2020. Dan, peruntukan dana khas secara besar-besaran ini telah diteruskan kerajaan Ismail Sabri dalam Belanjawan 2022.

Tentunya, agar sukar untuk orang awam menyemak perbelanjaan dana khas memandangkan ia bergantung kepada budi bicara Perdana Menteri untuk membelanjakannya. Amalan ini didakwa tidak telus dan boleh menyebabkan dana tersebut disalahgunakan demi kepentingan tertentu Perdana Menteri.

Ini pernah berlaku apabila rakyat curiga dan hilang keyakinan apabila kerajaan PN telah mengubah kompleks Sri Perdana, iaitu kediaman rasmi Perdana Menteri dengan anggaran kos berjumlah RM 30 juta³ ditengah-tengah rakyat tersepit dengan krisis Covid-19 dan pandemik. Keputusan mengubahsuai Seri Perdana ini dilihat boros dan menunjukkan Perdana Menteri tidak peka dalam membantu rakyat ketika pandemik.

Peruntukan pembangunan JPM juga turut menyenaraikan Butiran Projek (15000) "Pengubahsuaian dan Naik Taraf Parlimen Malaysia" bernilai RM 20 juta. Peruntukan ini menunjukkan sisi sebenar kedudukan parlimen yang masih didominasi Perdana Menteri. Persoalannya, apakah naik taraf parlimen yang akan dilakukan? Adakah ia akan dibelanjakan mengikut keperluan sebenar institusi parlimen atau hanya berdasarkan kepentingan Perdana Menteri?

² *Mengangkat tadbir urus kerajaan yang baik*, Liew Chin Tong bertarikh 21 September 2020. <https://liewchintong.com/ms/2020/09/21/mengangkat-tadbir-urus-kerajaan-yang-baik/>

³ *RM30 juta ubah suai Seri Perdana satu pembaziran –Syed Saddiq*, Utusan Malaysia online bertarikh 28 September 2021. <https://bit.ly/2ZUZxrP>

Sekiranya kerajaan Ismail Sabri komited memperbaharui parlimen, tentunya peruntukan RM 20 juta itu diserahkan kepada parlimen untuk diuruskan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pihak eksekutif tidak perlu terlibat secara langsung dalam urusan tersebut. Tetapi, perkara ini tidak berlaku. Dan, fakta yang memeritkan adalah Parlimen Malaysia tidak mempunyai kuasa menentukan pembaharuan atau pembangunan secara bebas kerana dana tersebut terletak ditangan seorang Perdana Menteri.

Dengan mengekalkan jumlah perbelanjaan besar pembangunan JPM dan dana khas Perdana Menteri, ia melihatkan dominasi eksekutif dalam proses membuat keputusan, tadbir urus negara, dan melemahkan fungsi institusi parlimen yang menerima penambahan perbelanjaan yang kecil serta gagal membuat keputusan sendiri dalam soal menambah baik badan perundangan negara.

Rumusan

Peruntukan yang kecil buat parlimen tidak memberi refleksi sebenar komitmen kerajaan Ismail Sabri dalam mentransformasi parlimen. Belanjawan 2022 bukanlah sebuah dokumen belanjawan yang boleh membawa perubahan signifikan kepada parlimen.

Malah, ia akan memperlahankan transformasi parlimen dan tidak menyediakan persediaan parlimen yang berautonomi, berfungsi, dan bebas dalam pentadbirannya sendiri. Ironinya, peruntukan JPM dalam Belanjawan 2022 terus bertambah bagi memperkukuh kuasa Perdana Menteri.

Perkara ini menyaksikan kerajaan ini masih mewarisi amalan tadbir urus yang tidak mampan kerajaan PN pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang tidak cekap dan gagal melihat keperluan rakyat dalam fasa pemuliahn Covid-19.

Oleh itu, wajar sekiranya ahli parlimen menghalusi dan meneliti peruntukan-peruntukan ini, khususnya mengurangkan dana JPM yang besar, supaya ia boleh diagihkan kepada institusi parlimen atau kementerian yang memerlukan suntikan dana bagi mempertingkatkan program yang boleh membina semula kehidupan rakyat dalam fasa pemulihan pandemik.

Antara perkara yang perlu diteliti dalam peruntukan parlimen dan JPM adalah:

Tajuk	Cadangan
B.1 Parlimen	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperincikan jumlah peruntukan bagi setiap JPK dalam Belanjawan 2022. 2. Kerajaan perlu menjelaskan berapakah peruntukan kawasan diberikan kepada setiap ahli parlimen, seperti yang terkandung dalam Seksyen 3.5, MoU Transformasi dan Kestabilan Politik. 3. Penjelasan lanjut butiran 030000 "One-Off" bernilai RM 3 juta bagi pembelian aset dan menangani keunsangan sistem.

B.6 Jabatan Perdana Menteri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meneliti semula kesemua 'Dana Khas' Perdana Menteri yang tersenarai dalam peruntukan pembangunan JPM yang bernilai hampir RM 2.14 bilion. 2. Meminta laporan perbelanjaan 'Dana Khas' Perdana Menteri yang telah dilaksanakan berdasarkan Belanjawan 2021 dan kaedah untuk mengawal perbelanjaan dana khas. 3. Meminta penjelasan dan maklumat mengenai butiran 15000 "Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Bangunan Parlimen".
-----------------------------	---

Meskipun proses meminda belanjawan adalah 'sukar' buat ahli parlimen, semangat dwipartisan yang diketengahkan dalam MoU Transformasi dan Kestabilan Politik antara kerajaan dan pembangkang, boleh dijadikan satu keperluan mendesak agar peruntukan ini boleh dipinda dan ditambah baik, khususnya menambah dana buat institusi parlimen dan mengurangkan perbelanjaan besar JPM.

Kerajaan Ismail Sabri perlu terbuka dan perlu menjelaskan secara terperinci mengenai pendirian kerajaan menambah peruntukan parlimen yang dengan jumlah yang kecil tetapi mengekalkan dana yang besar kepada JPM.

Pihak kerajaan perlu bertindak berani dan rasional menggunakan kuasa yang ada untuk meminda atau mengurangkan sesuatu peruntukan atas persetujuan ahli parlimen.

Setiap perincian dan keterbukaan dalam meneliti peruntukan parlimen dan JPM ini penting bagi memastikan kerajaan telus dalam pentadbirannya. Ia juga satu jaminan kepada orang awam agar setiap peruntukan Belanjawan 2022, khasnya dana JPM, tidak dibelanjakan untuk menguntungkan beberapa pihak berkepentingan politik dan memperkukuh kuasa Perdana Menteri.

Fakhrurrazi Rashid, Koordinator Penyelidik Research for Social Advancement (REFSA)

November 2021